

## **Terma dan Syarat Kempen AmBank BonusLink**

### **1 Definisi**

1.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

"Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No Syarikat: 8515-D) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua syarikat bersekutu dan syarikat yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap 'Kumpulan AmBank' dalam Terma dan Syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"Hari" bermaksud Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

"Notis Terdahulu" bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan keadaan tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

"Akaun" merujuk kepada Akaun AmPartner iaitu jenis produk yang ditawarkan di bawah Kempen ini.

"Perbankan Runcit" merujuk kepada perbankan konsumer untuk pelanggan individu dan pelanggan bukan individu.

"Pelanggan Runcit Individu" merujuk kepada pelanggan individu AmBank/AmBank Islamic baharu dan sedia ada di bawah Perbankan Runcit.

"Baharu kepada Produk" merujuk kepada Pelanggan Runcit Individu:

- a. Yang bukan merupakan pemegang Akaun AmPartner sedia ada; dan
- b. Yang pernah buka Akaun AmPartner tetapi ditutup Tiga (3) bulan sebelum Kempen ini bermula.

"Kempen" merujuk kepada Kempen AmBank BonusLink yang dianjurkan oleh Bank dan BonusKad Loyalty Sdn. Bhd. (No. Syarikat 438200-T) menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"Perbadanan Bersekutu" mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

"Syarikat Yang Berkaitan" pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

1.2 Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga akan merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

### **2 Tempoh Kempen**

2.1 Kempen akan **bermula pada 1 Julai 2019 (00:00 GMT+8) dan tamat pada 30 September 2019 (23:59 GMT+8)** (merangkumi kedua-dua tarikh dan akan dirujuk sebagai "Tempoh Kempen"). Pihak Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya dengan memberikan Notis Terdahulu.

**Terma dan Syarat  
Kempen AmBank BonusLink**

**3 Kelayakan**

- 3.1 Kempen ini terbuka untuk Pelanggan Runcit Individu yang Baharu kepada Produk (rujuk kepada klausa 1.1) ("Pelanggan yang Layak").
- 3.2 Kakitangan Kumpulan AmBank, BonusKad Loyalty Sdn. Bhd dan ahli keluarga terdekat mereka (suami, isteri, anak dan ibu bapa) layak untuk menyertai Kempen ini.

**4 Mekanik Kempen**

- 4.1 Untuk melayakkan diri dan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi syarat berikut ("Syarat Kempen"):
- Membuka satu Akaun AmPartner di mana-mana cawangan AmBank di Malaysia dalam Tempoh Kempen;
  - Memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual Mekanik Kempen (dirujuk dalam klausa 4.2); dan
  - Menghantar Nombor Keahlian BonusLink mereka kepada Bank apabila Akaun AmPartner dibuka dalam tempoh yang ditetapkan (dirujuk dalam klausa 4.4).
- 4.2 Mekanik Kempen adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Kempen	Kriteria	Kelayakan Mata Ganjaran	Pemenuhan Mata Ganjaran
1 Julai 2019 ke 30 September 2019	(A) Membuka Akaun AmPartner dengan deposit permulaan sebanyak RM100 - RM999	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap akaun akan mendapat 1,000 Mata Ganjaran BonusLink.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata Ganjaran BonusLink akan dikreditkan ke Akaun Keahlian BonusLink Pelanggan yang Layak dalam masa 45 hari selepas Tempoh Kempen berakhir.</li> </ul>
	(B) Membuka Akaun AmPartner dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM1,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 200 akaun pertama akan mendapat 10,000 Mata Ganjaran BonusLink;</li> <li>• Akaun seterusnya selepas 200 akaun pertama akan mendapat 1,000 Mata Ganjaran BonusLink.</li> </ul>	
	(C) Mengekalkan Baki Purata Bulanan (BPB) minimum RM500 di dalam Akaun AmPartner (hanya untuk Akaun AmPartner yang dibuka dalam Tempoh Kempen)	<p>Dapatkan 3X Mata Ganjaran BonusLink untuk setiap Ringgit BPB, dengan pecahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mata Ganjaran Asas</b> 1X Mata Ganjaran BonusLink, iaitu 0.03 mata ganjaran untuk setiap RM1</li> <li>• <b>Mata Ganjaran Bonus</b> 2X Mata Ganjaran BonusLink, iaitu 0.06 mata ganjaran untuk setiap RM1.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mata Ganjaran Asas-</b> Mata ganjaran akan dikreditkan atas dasar bulanan. Pengiraan mata ganjaran akan dilakukan pada hari pertama dan dikreditkan pada hari ke-15 dalam bulan berikutnya.</li> <li>• <b>Mata Ganjaran Bonus -</b> Mata Ganjaran BonusLink akan dikreditkan ke Akaun Keahlian BonusLink</li> </ul>

**Terma dan Syarat  
Kempen AmBank BonusLink**

			Pelanggan yang Layak dalam masa 45 hari selepas Tempoh Kempen berakhir.
--	--	--	---

- 4.3 Hanya Pelanggan yang Layak yang memenuhi terma dan syarat Kempen layak mendapatkan Mata Ganjaran. Pelanggan yang Layak yang gagal memenuhi terma dan syarat Kempen akan hilang kelayakkan secara automatik untuk menyertai Kempen tanpa notis.
- 4.4 Pelanggan yang Layak semestinya telah menghantar Nombor Keahlian BonusLink mereka kepada Bank melalui [ambank.com.my/AmPartner](http://ambank.com.my/AmPartner) untuk layak menerima Mata Ganjaran daripada Kempen ini. Sila ambil perhatian:
- Untuk mendapatkan Mata Ganjaran Asas di bawah Kriteria C seperti dalam jadual di bawah klausa 4.2, Pelanggan yang Layak perlu menghantar Nombor Keahlian BonusLink mereka selewat-lewatnya pada akhir bulan yang sama untuk mendapatkan mata ganjaran bagi bulan tersebut. (Contohnya: Mata Ganjaran BonusLink untuk Jun 2019 akan dikreditkan selewat-lewatnya pada 15 Julai 2019. Pelanggan yang Layak mesti menghantar Nombor Keahlian BonusLink mereka selewat-lewatnya pada 30 Jun 2019 untuk layak mendapatkan mata ganjaran bagi Jun 2019.)
  - Untuk mendapatkan Mata Ganjaran seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah klausa 4.2 (kecuali untuk Mata Ganjaran Asas), Pelanggan yang Layak perlu menghantar Nombor keahlian BonusLink mereka selewat-lewatnya pada 30 September 2019.

Penghantaran Nombor Keahlian BonusLink hanya perlu dilakukan sekali sahaja untuk setiap akaun. Sekiranya terdapat banyak penghantaran yang diterima bagi pemegang akaun yang sama, Nombor Keahlian BonusLink dalam penghantaran pertama akan digunakan untuk pengkreditan mata ganjaran.

- 4.5 Pelanggan yang Layak mesti memastikan bahawa:
- 12 digit Nombor Kad Pengenalan Baharu (NRIC) yang dihantar kepada Bank mesti sama dengan yang didaftarkan dengan Akaun AmPartner.
  - 16 digit Nombor Keahlian BonusLink yang dihantar kepada Bank mesti sama dengan yang didaftarkan dengan BonusKad Loyalty Sdn. Bhd.

Sebarang percanggahan dalam NRIC dan/atau Nombor Keahlian BonusLink akan mengakibatkan kegagalan pengkreditan Mata Ganjaran BonusLink dan Mata Ganjaran BonusLink tersebut akan dilucuthakkan akibat ketidaksepadanan.

- 4.6 Untuk akaun bersama, hanya salah satu pemegang akaun yang telah menghantar Nombor Keahlian BonusLink akan menerima Mata Ganjaran dari Kempen ini. Sekiranya kedua-dua pemegang akaun telah menghantar Nombor Keahlian BonusLink mereka, Mata Ganjaran hanya akan diberikan kepada pemegang akaun utama.
- 4.7 Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada Pelanggan yang Layak untuk mengkreditkan Mata Ganjaran BonusLink ke akaun keahlian BonusLink lain yang tidak dimiliki oleh Pelanggan yang Layak atau menukar Mata Ganjaran BonusLink dengan wang tunai.
- 4.8 Akaun Keahlian BonusLink Pelanggan yang Layak dan Akaun AmPartner MESTI berada dalam kedudukan yang baik dan MESTI TIDAK melanggar mana-mana Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam takrifan Bank, jika tidak, Mata Ganjaran BonusLink akan dilucuthakkan.

## **Terma dan Syarat Kempen AmBank BonusLink**

### **5 Umum**

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan:
- Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan;
  - Terma dan Syarat Kempen AmBank BonusLink
- 5.2 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran, bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada BonusKad Loyalty Sdn. Bhd. untuk tujuan pengkreditan mata ganjaran.
- 5.3 Tawaran Kempen ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/kempen lain yang ditawarkan oleh Bank. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Bank.
- 5.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu tanpa memberikan sebarang alasan.
- 5.5 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 5.6 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.7 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 5.8 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/kempen/bahan periklanan lain untuk Kempen ini.
- 5.9 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 5.10 Tidak dalam mana-mana keadaan pun pihak Bank harus dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan, termasuklah tanpa had kepada kehilangan pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, kerosakan punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuklah pihak ketiga, walau bagaimana cara sekalipun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berhubung dengan penyertaan di dalam Kempen ini atau setelah pihak Bank melaksanakan haknya di bawah terma dan syarat ini, walaupun pihak Bank telah dinasihati tentang kemungkinan berlakunya kerugian sedemikian terlebih dahulu, semua kerugian sedemikian secara jelas dikecualikan.

**Terma dan Syarat**  
**Kempen AmBank BonusLink**

- 5.11 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.12 Semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
- 5.13 Pelanggan yang Layak dikehendaki melayari laman sesawang korporat Bank melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk versi terkini terma dan syarat ini, jika ada.
- 5.14 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam taksiran terma dan syarat, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia akan ditafsirkan sebagai setaraf dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan hendaklah membawa makna yang sama.